Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

PENGLIBATAN KOMUNITI DAN PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT: SATU PENEMUAN AWAL DI KOTA KINABALU, SABAH

COMMUNITY INVOLVEMENT AND THE IMPLEMENTATION OF THE SAFE CITY PROGRAMME: PRELIMINARY FINDINGS IN KOTA KINABALU, SABAH

Nor-Ina Binti Kanyo[1]
Falmon Bin Kain[2]
Ahmad Tarmizi Abdul Rahman[3]
Normah Abdul Latip[1]
Ubong Imang[4]
Norita Anak Jubit[1]
Datu Razali Datu Eranza[5]

[1] Pensyarah Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS) dan Program Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah.
[2] Pelajar Sarjana Geografi dan Pembantu Penyelidik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah
[3],[4],[5] Pensyarah Universiti Malaysia Sabah
* Corresponding author: norina@ums.edu.my

Article history
Received date : 29-9-2026
Revised date : 30-9-2026
Accepted date : 18-8-2026
Published date : 6-11-2026

To cite this document:
Kanyo, N., Kain, F., Abdul Rahman, A. T., Abdul Latip, N., Imang, U., Jubit, N., & Datu Eranza, D. R. (2026). Penglibatan komuniti dan pelaksanaan program Bandar Selamat: Satu penemuan awal di Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 11 (88), 121-136.

Abstrak: *Penglibatan komuniti merupakan antara komponen penting dalam menjayakan pelaksanaan sesuatu program. Artikel ini mengetengahkan penemuan awal ke atas penelitian penglibatan komuniti dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat di Kota Kinabalu Sabah, dengan memberikan tumpuan kepada faktor yang mempengaruhi penglibatan, bentuk penglibatan serta impak yang diperoleh oleh komuniti daripada penglibatan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah soal selidik terhadap penduduk dan temu bual bersama wakil komuniti serta agensi berkaitan dalam pengumpulan data penglibatan komuniti. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif, manakala data temu bual akan dianalisis secara tematik. Penelitian merangkumi penglibatan dalam aktiviti keselamatan kejiranan, penyampaian maklumat, pelaporan masalah keselamatan dan proses membuat keputusan. Faktor kesedaran keselamatan, kepercayaan terhadap agensi pelaksana, komunikasi, sokongan institusi dan ketersediaan sumber turut diteliti bagi memahami keadaan yang mendorong atau menghalang kepada penglibatan penyertaan komuniti di kawasan kajian.*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Sesuatu yang menarik daripada kajian ialah dapat menjelaskan corak penglibatan komuniti bagi konteks pelaksanaan Program Bandar Selamat di Sabah, khususnya di Daerah Kota Kinabalu, sekaligus menjadi panduan kepada pihak berkuasa tempatan, agensi keselamatan dan pemimpin komuniti untuk memperluas peluang penglibatan komuniti, serta memperkukuh kerjasama dalam mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat.

Kata kunci: *Penglibatan, komuniti, Program Bandar Selamat, Kota Kinabalu, Sabah.*

Abstract: *Community engagement is a crucial component in the successful implementation of any program. This article presents preliminary findings from a study on community engagement within the Safe City Program in Kota Kinabalu, Sabah, focusing on the factors influencing engagement, the forms of engagement, and the impact derived by the community from their participation. The study employed a mixed-methods approach, utilizing questionnaires distributed to residents and interviews with community representatives and relevant agencies to gather data on community engagement. Quantitative data were analyzed using descriptive statistics, while interview data underwent thematic analysis. The study examined engagement across various aspects, including neighborhood safety activities, information dissemination, the reporting of safety issues, and decision-making processes. Factors such as safety awareness, trust in implementing agencies, communication, institutional support, and resource availability were also investigated to understand the drivers and barriers to community participation in the study area. A significant outcome of the study is the elucidation of community engagement patterns within the context of the Safe City Program in Sabahspecifically in the Kota Kinabalu District thereby serving as a guide for local authorities, security agencies, and community leaders to expand opportunities for community engagement and strengthen collaboration in creating a safer urban environment.*

Keywords: *Engagement, community, Safe City Program, Kota Kinabalu, Sabah.*

Pengenalan

Pelaksanaan Program Bandar Selamat (PBS) bukan sahaja bergantung kepada penyediaan infrastruktur dan kemudahan keselamatan, tetapi turut memerlukan penglibatan aktif komuniti dalam mengenal pasti, menangani dan memberikan maklum balas terhadap isu keselamatan di kawasan kejiranan. Sebagai kelompok yang berinteraksi secara langsung dengan persekitaran tempat tinggal, penduduk mempunyai pengetahuan dan pengalaman setempat yang dapat menyumbang kepada usaha penambahbaikan keselamatan bandar. Sumbangan tersebut merangkumi pengenalpastian lokasi yang berpotensi menimbulkan risiko keselamatan, pelaporan gangguan ketenteraman serta penyampaian cadangan berkaitan keutamaan tindakan kepada agensi yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, keupayaan komuniti untuk memainkan peranan tersebut berkait rapat dengan ketersediaan ruang penyertaan dan sejauh mana pandangan mereka diberikan perhatian dalam proses pelaksanaan program. Justeru, penelitian terhadap penglibatan komuniti perlu melangkaui aspek kehadiran dalam aktiviti dengan turut mengambil kira pengalaman penduduk sebagai peserta, penyumbang maklumat dan pihak berkepentingan dalam pengurusan keselamatan setempat.

Dalam konteks Malaysia, kepentingan penyertaan masyarakat telah diberikan penekanan dalam kerangka pelaksanaan PBS sebagai salah satu pendekatan untuk memperkukuh usaha pencegahan jenayah di kawasan bandar. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Malaysia (JPBD, 2010), menerusi penerbitan *Buku Bandar Selamat*, menjelaskan penyusunan semula 23 langkah pencegahan jenayah kepada 15 langkah yang dilaksanakan melalui tiga strategi utama. Antaranya ialah strategi pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam yang menekankan kepentingan kerjasama antara pihak berkuasa dengan masyarakat dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan persekitaran bandar. Kerangka tersebut turut mengiktiraf keperluan melibatkan masyarakat dalam proses perancangan dan pelaksanaan langkah keselamatan. Hal ini memperlihatkan bahawa penglibatan komuniti bukan sekadar pelengkap kepada penyediaan kemudahan fizikal, sebaliknya merupakan komponen yang saling melengkapi dalam memastikan pelaksanaan inisiatif keselamatan dapat mengambil kira keperluan sebenar penduduk.

Pada peringkat negeri Sabah, penelitian terhadap penglibatan komuniti menjadi semakin relevan apabila pelaksanaan konsep Bandar Selamat melibatkan penyelarasan antara institusi kerajaan tempatan, agensi keselamatan dan masyarakat setempat. Kanyo et al. (2023) menghuraikan perkembangan pelaksanaan konsep Bandar Selamat di Sabah yang melibatkan peranan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebelum pendekatan tersebut diperluas ke daerah lain. Walaupun kerjasama antara institusi merupakan asas penting dalam pelaksanaan program, persoalan mengenai sejauh mana masyarakat terlibat secara langsung masih memerlukan penelitian empirikal. Dalam hal ini, kajian Samuni et al. (2021) yang melibatkan 384 responden di lima zon kawasan tumpuan jenayah (*black spot*) di Kota Kinabalu melaporkan bahawa tahap keterlibatan komuniti dalam usaha pemerkasaan bandar berdaya huni masih rendah. Penemuan tersebut memberikan gambaran bahawa kewujudan inisiatif keselamatan dan penglibatan institusi pelaksana tidak semestinya menggambarkan tahap penyertaan masyarakat yang menyeluruh. Oleh itu, penelitian pada peringkat komuniti kejiranan diperlukan bagi memahami pengalaman sebenar penduduk dalam pelaksanaan PBS, khususnya berkaitan ruang penyertaan dan peranan yang dapat dimainkan oleh masyarakat setempat.

Keperluan memberikan perhatian kepada dimensi sosial dalam pelaksanaan keselamatan bandar turut diperkukuh melalui penemuan penyelidikan pada peringkat nasional. Mt Akhir et al. (2026), melalui kajian yang melibatkan 10,076 penduduk bandar di Malaysia, melaporkan bahawa penglibatan komuniti merupakan komponen yang mencatatkan penilaian paling rendah dalam pendekatan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (*Crime Prevention Through Environmental Design*, CPTED). Dapatan tersebut memperlihatkan kepentingan untuk menilai usaha keselamatan bandar secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira bukan sahaja aspek fizikal persekitaran, tetapi juga hubungan kerjasama dan penyertaan masyarakat dalam pelaksanaannya. Namun demikian, penemuan pada skala nasional masih belum memberikan penjelasan yang khusus tentang bagaimana penduduk di sesuatu kawasan kejiranan memperoleh maklumat mengenai PBS, mengakses peluang penglibatan serta menilai penerimaan pandangan mereka oleh pihak yang bertanggungjawab. Keadaan ini menunjukkan perlunya penelitian yang lebih tertumpu kepada pengalaman komuniti pada peringkat setempat bagi memahami perbezaan antara kewujudan program, peluang penyertaan dan penglibatan yang benar-benar bermakna.

Sehubungan itu, artikel ini mengetengahkan penemuan awal mengenai penglibatan komuniti kejiranan dalam pelaksanaan PBS di Kota Kinabalu, Sabah, dengan memberikan perhatian kepada faktor yang mendorong penyertaan, bentuk penglibatan serta implikasinya terhadap

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

pelaksanaan program. Penelitian turut merangkumi aspek pengetahuan dan kefahaman penduduk, peluang penyertaan, penerimaan suara komuniti serta kesediaan untuk melibatkan diri secara lebih aktif. Melalui penelitian terhadap dimensi tersebut, artikel ini berusaha menjelaskan bahawa penglibatan komuniti tidak sewajarnya dinilai berdasarkan penyertaan dalam aktiviti semata-mata, sebaliknya perlu difahami dengan mengambil kira kedalaman kefahaman, peranan yang dimainkan dan ruang yang tersedia untuk menyumbang kepada penentuan keutamaan keselamatan setempat. Pada masa yang sama, perbincangan mengenai implikasi penglibatan dibezakan daripada perubahan sebenar dalam tahap keselamatan yang memerlukan pengukuran empirikal secara khusus. Dengan demikian, penelitian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas tentang kedudukan komuniti kejiranan dalam pelaksanaan PBS, di samping menyediakan asas perbincangan bagi memperkukuh pendekatan penglibatan masyarakat dalam pengurusan keselamatan bandar di Kota Kinabalu.

Sorotan Literatur Dan Asas Konseptual

Program Bandar Selamat dalam Kerangka Keselamatan Fizikal dan Sosial

Keselamatan bandar tidak terhad kepada ketiadaan kejadian jenayah atau penyediaan kemudahan fizikal. Dalam pendekatan Safer Cities, UN-Habitat (t.t.) menggariskan kepentingan kerjasama antara pihak berkuasa, agensi keselamatan dan penduduk bagi menangani risiko di kawasan bandar. Pada peringkat kejiranan, lampu jalan, keadaan laluan pejalan kaki dan pemantauan kawasan memerlukan tindakan penyelenggaraan serta aliran maklumat yang berterusan. Oleh itu, keberkesanan sesuatu intervensi fizikal turut bergantung pada sejauh mana masyarakat mengetahui tujuan kemudahan, mengenal pasti masalah dan memahami saluran untuk mendapatkan tindakan susulan.

Dalam konteks Malaysia, JPBD (2010) meletakkan pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam sebagai salah satu strategi pelaksanaan Program Bandar Selamat (PBS). Penekanan terhadap unsur tersebut memperlihatkan bahawa penglibatan masyarakat bukan sekadar pelengkap kepada langkah pencegahan jenayah. Bagi Kota Kinabalu, Kanyo et al. (2023) menghuraikan pelaksanaan konsep Bandar Selamat yang melibatkan pihak berkuasa tempatan dan agensi keselamatan di Sabah. Kerangka dasar ini memberi alasan untuk menilai bukan sahaja kewujudan program, tetapi juga sejauh mana isi dan peranan sosialnya difahami oleh komuniti kejiranan.

Membezakan Kesedaran, Pengetahuan dan Kefahaman Program

Kesedaran terhadap kewujudan PBS, pengetahuan tentang cirinya dan kefahaman mengenai cara program dilaksanakan ialah dimensi yang berkaitan tetapi tidak boleh dianggap sama. Kesedaran merujuk kepada pengenalan bahawa inisiatif tersebut wujud di kawasan kediaman. Pengetahuan pula berkaitan keupayaan mengenal pasti tujuan, komponen dan contoh langkah keselamatan. Kefahaman menghendaki penduduk dapat menerangkan hubungan antara langkah yang diambil, risiko yang ditangani dan peranan yang boleh mereka laksanakan. Pembezaan konsep ini penting kerana penerimaan maklumat tidak semestinya menghasilkan pemahaman yang boleh digunakan untuk bertindak.

Dalam pengukuran kajian ini, respons mengenai kewujudan program, penilaian kendiri pengetahuan, tahap kefahaman dan tema jawapan terbuka perlu dibaca sebagai ukuran yang berasingan. Jawapan terbuka tentang ciri Bandar Selamat boleh menunjukkan perkara yang

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

paling mudah disebut oleh responden, namun kekerapan sesuatu tema tidak dengan sendirinya mengukur ketepatan kefahaman secara menyeluruh. Kerangka pembacaan sedemikian membolehkan jurang pengetahuan dikenal pasti tanpa membuat andaian bahawa seseorang yang pernah mendengar nama program telah memahami mekanisme atau tanggungjawab komuniti di dalamnya.

Kefahaman sebagai Asas kepada Penglibatan yang Bermakna

Arnstein (1969) menegaskan bahawa penyertaan masyarakat perlu dibezakan mengikut pengaruh sebenar yang dimiliki warga dalam sesuatu proses keputusan. Penyebaran maklumat ialah unsur penting, tetapi tidak boleh disamakan dengan pemindahan kuasa. Dalam kerangka Pretty (1995) pula, penyertaan boleh mengambil bentuk yang berlainan, daripada penerimaan maklumat dan pelaksanaan aktiviti yang ditetapkan kepada bentuk yang lebih interaktif. Kedua-dua kerangka tersebut membantu menjelaskan mengapa pengetahuan tentang peranan, proses perundingan dan saluran maklum balas relevan sebelum tahap atau kualiti penglibatan dapat ditafsirkan.

Bagi PBS, pemahaman mengenai saluran aduan, batas tanggungjawab komuniti dan tindakan susulan agensi berpotensi mengubah penduduk daripada pemerhati kemudahan keselamatan kepada penyumbang maklumat serta rakan kerjasama. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak mengukur pembahagian kuasa atau mengelaskan individu kepada tangga Arnstein dan kategori Pretty. Kedua-duanya digunakan sebagai asas untuk menghuraikan kepentingan kefahaman terhadap peluang bertindak, bukan sebagai keputusan empirikal tentang tahap penyertaan responden.

Orientasi terhadap Ciri Fizikal dan Tindakan Bersama

Ciri-ciri keselamatan fizikal lazimnya lebih mudah diperhatikan dalam ruang kejiranan berbanding proses penyelarasan antara pelaksana dengan penduduk. Namun, penyelenggaraan ruang awam, perkongsian maklumat dan pengesanan lokasi berisiko memerlukan penyertaan sosial yang tidak semestinya kelihatan melalui kemudahan fizikal. Dalam hal ini, Mansuri dan Rao (2013) mengingatkan bahawa penyertaan komuniti bergantung pada keadaan institusi dan sosial yang membolehkan tindakan kolektif berlaku. Persekitaran yang menyediakan kemudahan keselamatan belum tentu secara automatik membentuk kefahaman yang seragam mengenai tindakan bersama.

Kajian Samuni et al. (2021) mengenai keterlibatan komuniti di zon black spot jenayah Kota Kinabalu serta penelitian Mt Akhir et al. (2026) mengenai penglibatan komuniti dalam konteks keselamatan bandar di Malaysia menegaskan kepentingan dimensi sosial. Namun, dapatan kajian terdahulu tidak boleh ditafsirkan sebagai ukuran langsung tahap pengetahuan responden artikel ini kerana instrumen dan sampelnya berbeza. Kajian semasa menumpukan cara penduduk menerangkan PBS melalui tema fizikal, pemantauan, pencegahan jenayah dan kerjasama, sekali gus mengenal pasti aspek penerangan yang masih memerlukan peneguhan.

Jurang Penelitian dan Kedudukan Artikel

Sorotan menunjukkan kepentingan menghubungkan reka bentuk keselamatan bandar dengan pemahaman masyarakat tentang tujuan dan proses pelaksanaannya. Walaupun peranan komuniti telah diiktiraf dalam dasar dan literatur, belum memadai untuk mengandaikan bahawa kesedaran tentang kewujudan PBS bermaksud kefahaman terhadap konsep dan peranan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

penduduk telah terbina. Artikel ini menyumbang bukti deskriptif awal daripada 200 responden di Kota Kinabalu dengan membezakan kesedaran kewujudan, pengetahuan kendiri, kefahaman kendiri dan tema respons terbuka. Penelitian ini tidak menguji hubungan sebab-akibat atau perubahan keselamatan selepas pelaksanaan program; sumbangannya ialah mengenal pasti jurang literasi program yang berkaitan dengan usaha memperkukuh penyertaan komuniti.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Dan Skop Pelaporan

Artikel ini melaporkan komponen kuantitatif awal penyelidikan penglibatan komuniti dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat di Kota Kinabalu, Sabah. Penyelidikan merangkumi pengumpulan data soal selidik penduduk serta temu bual wakil komuniti di sekitar Kota Kinabalu, Sabah atas saranan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan agensi berkaitan. Pelaporan artikel tertumpu pada jadual soal selidik yang melibatkan 200 responden bagi maklumat demografi dan soalan utama.

Dapatan Kajian

Latar belakang responden

Latar belakang responden merupakan aspek penting dalam memberikan gambaran umum tentang profil sosiodemografi komuniti yang terlibat dalam kajian ini. Penelitian terhadap ciri-ciri responden membolehkan pengkaji memahami kepelbagaian latar belakang penduduk yang menjadi sebahagian daripada komuniti kejiranan di Kota Kinabalu, Sabah. Dalam konteks pelaksanaan Program Bandar Selamat, maklumat demografi memberikan asas untuk memahami komposisi responden serta konteks sosial dan persekitaran tempat tinggal mereka. Sehubungan itu, bahagian ini menghuraikan profil 200 orang responden yang terlibat dalam kajian lapangan berdasarkan beberapa aspek utama, termasuk jantina, umur, status perkahwinan, jenis kediaman dan tempoh menetap di kawasan kejiranan. Analisis deskriptif melalui taburan kekerapan dan peratusan digunakan bagi memperlihatkan ciri-ciri responden secara sistematik. Maklumat ini menjadi asas kepada perbincangan dapatan seterusnya, khususnya berkaitan pengetahuan, kefahaman serta pengalaman penglibatan komuniti dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat di kawasan kajian.

Jadual 1: Jenis kediaman dan tempoh menetap responden (n=200)

Demografi	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	94	47
	Perempuan	106	53
Umur	18–24 tahun	39	19.5
	25–34 tahun	55	27.5
	35–44 tahun	49	24.5
	45–54 tahun	36	18
	55–64 tahun	13	6.5
	65 tahun dan ke atas	8	4
Status perkahwinan	Bujang	61	30.5
	Berkahwin	124	62
	Balu/Duda	15	7.5

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Jenis kediaman/kejiranan	Kampung	59	29.5
	Taman perumahan	80	40
	Flat/Apartmen	54	27
	Rumah kedai	7	3.5
Tempoh menetap di kawasan kejiranan	Kurang daripada 1 tahun	10	5
	1–5 tahun	50	25
	6–10 tahun	41	20.5
	Lebih daripada 10 tahun	99	49.5
Jarak rumah dari pusat bandar Kota Kinabalu	2–5 km	80	40
	6–10 km	40	20
	11–15 km	40	20
	Lebih daripada 15 km	40	20
Tahap pendidikan	Tiada pendidikan formal	18	9
	Sekolah rendah	21	10.5
	Sekolah menengah	86	43
	Diploma/Setaraf	37	18.5
	Ijazah sarjana muda	34	17
	Ijazah sarjana/PhD	4	2
Jumlah pendapatan bulanan	Tiada pendapatan	38	19
	RM1,000 ke bawah	41	20.5
	RM1,001–RM1,500	42	21
	RM1,501–RM2,000	30	15
	RM2,001–RM2,500	24	12
	RM2,601 ke atas*	25	12.5
Etnik	Melayu	30	15
	Cina	24	12
	Kadazan	28	14
	Dusun	40	20
	Murut	15	7.5
	Bajau	39	19.5
	Suluk	16	8
	Rungus	8	4
Status pemilikan rumah	Pemilik rumah (menetap secara tetap)	87	43.5
	Menyewa rumah	63	31.5
	Menumpang bersama keluarga/saudara	37	18.5
	Menetap di kuarters kerajaan/syarikat	8	4
	Rumah majikan	5	2.5

Sumber: Kajian lapangan FRG0645-1/2024 (2026)

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0


Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Responden terdiri daripada 106 perempuan (53.0%) dan 94 lelaki (47.0%). Dari segi umur, kumpulan 25 hingga 34 tahun merupakan kategori terbesar, iaitu 55 orang (27.5%), diikuti 35 hingga 44 tahun seramai 49 orang (24.5%). Kedua-dua kategori merangkumi 52.0% responden. Seramai 124 orang (62.0%) telah berkahwin. Profil kediaman dan tempoh menetap diringkaskan dalam Jadual 1 kerana kedua-duanya menyediakan konteks kepada pengalaman kejiranan. Taman perumahan merupakan jenis kediaman terbesar, namun responden juga datang daripada kampung, flat atau apartmen dan rumah kedai. Seramai 140 orang (70.0%) telah menetap sekurang-kurangnya enam tahun, termasuk 99 orang yang menetap melebihi 10 tahun. Tempoh tersebut memberi konteks bahawa sebahagian besar responden mempunyai pengalaman tinggal yang berpanjangan dalam kejiranan. Walau bagaimanapun, tempoh menetap tidak dengan sendirinya membuktikan pengetahuan program atau penglibatan yang lebih tinggi; hubungan tersebut memerlukan analisis pada peringkat individu.

Pengetahuan Dan Kefahaman Terhadap Program

Soalan Sebanyak 108 responden (54.0%) menjawab "Ya" bagi soalan "Adakah anda mengetahui kewujudan Bandar Selamat di kawasan anda?", manakala 92 responden (46.0%) menjawab "Tidak". Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden mengetahui kewujudan Bandar Selamat di kawasan mereka. Walau bagaimanapun, perbezaan antara responden yang mengetahui dan tidak mengetahui kewujudan program tersebut hanya 8.0 mata peratusan. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang kewujudan Bandar Selamat masih belum menyeluruh dalam kalangan responden.

Kesedaran terhadap kewujudan ini perlu dibaca bersama penilaian pengetahuan dalam Rajah 1. Seramai 108 orang (54.5%) menilai pengetahuan mereka rendah atau sangat rendah. Sebanyak 64 orang (32.0%) berada pada tahap sederhana dan hanya 27 orang (13.5%) pada tahap tinggi. Dapatan tersebut memperlihatkan bahawa mengetahui tentang kewujudan Bandar Selamat tidak semestinya bermaksud responden mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenainya. Dengan kata lain, terdapat perbezaan antara kesedaran terhadap kewujudan program dengan tahap pengetahuan mengenai program.



Rajah 1: Penilaian kendiri terhadap pengetahuan (n=200)


Sumber: Kajian lapangan FRG0645-1/2024 (2026)

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Bagi kefahaman, 46 responden (23.0%) memilih "Sangat Tidak Faham" dan 75 responden (37.5%) memilih "Tidak Faham" kepada pernyataan Apakah tahap kefahaman anda terhadap Bandar Selamat. Secara keseluruhannya, kedua-dua kategori tersebut melibatkan 121 responden (60.5%). Sementara itu, 63 responden (31.5%) memilih "Kurang Faham" dan hanya 16 responden (8.0%) menyatakan "Faham Secara Umum". Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap Bandar Selamat secara keseluruhannya masih terhad.
Corak ini memperlihatkan perbezaan antara mengetahui bahawa program wujud dengan memahami kandungannya. Walaupun 54.0% responden mengetahui kewujudan Bandar Selamat, hanya 8.0% menyatakan bahawa mereka faham secara umum. Pada masa yang sama, sebanyak 92.0% responden berada dalam tiga kategori "Sangat Tidak Faham", "Tidak Faham" dan "Kurang Faham". Dapatan ini menunjukkan keperluan meneliti mutu penerangan tentang tujuan program, peranan penduduk dan proses tindakan susulan, selain jangkauan hebahan.



Rajah 2: Penilaian kendiri terhadap kefahaman (n=200)
Sumber: Kajian lapangan FRG0645-1/2024 (2026)

Respons terbuka memberikan gambaran yang lebih khusus tentang perkara yang dikaitkan dengan Bandar Selamat. Tema kemudahan dan persekitaran fizikal selamat direkodkan paling kerap, iaitu sebanyak 128 respons (64.0%). Tema ini diikuti oleh pemantauan dan rondaan sebanyak 81 respons (40.5%) serta pencegahan jenayah dan perlindungan nyawa serta harta sebanyak 78 respons (39.0%). Corak tersebut menunjukkan bahawa ciri Bandar Selamat yang dikaitkan oleh responden banyak tertumpu kepada aspek keselamatan fizikal, pemantauan dan pencegahan jenayah.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Jadual 3 Tema kefahaman tentang ciri Bandar Selamat (n=200)

Tema	n	%
Kemudahan dan persekitaran fizikal selamat	128	64.0
Pemantauan dan rondaan	81	40.5
Pencegahan jenayah dan perlindungan nyawa serta harta	78	39.0
Kerjasama dan tindakan bersama	53	26.5
Ketidakpastian atau pengetahuan terhad	46	23.0
Pengurangan risiko dan pengurusan bencana	37	18.5
Pengurangan risiko dan pencegahan kemalangan	37	18.5
Pengurangan masalah sosial	37	18.5
Keamanan secara umum	23	11.5

Sumber: Kajian lapangan FRG0645-1/2024 (2026)

Tema fizikal yang menonjol boleh mencerminkan kemudahan responden mengenal pasti ciri keselamatan yang dapat dilihat, seperti lampu dan keadaan persekitaran. Tafsiran ini merupakan pembacaan terhadap jadual tema dan tidak bermaksud bahawa aspek fizikal dianggap lebih penting secara mutlak berbanding aspek lain. Hal ini penting kerana nilai dalam Jadual 3 menunjukkan kekerapan tema yang direkodkan dan bukannya ukuran kepentingan setiap ciri. Pada masa yang sama, tema kerjasama dan tindakan bersama direkodkan dalam 53 respons (26.5%), menunjukkan bahawa sebahagian responden turut mengaitkan konsep Bandar Selamat dengan dimensi sosial dan tindakan kolektif. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut lebih rendah berbanding tema kemudahan dan persekitaran fizikal selamat (64.0%), pemantauan dan rondaan (40.5%), serta pencegahan jenayah dan perlindungan nyawa serta harta (39.0%). Selain itu, kewujudan tema ketidakpastian atau pengetahuan terhad sebanyak 46 respons (23.0%) selari dengan dapatan tahap kefahaman yang menunjukkan sebahagian besar responden berada pada kategori kefahaman yang rendah.

Secara keseluruhannya, dapatan bahagian ini menunjukkan satu pola penting, iaitu kesedaran terhadap kewujudan Bandar Selamat tidak semestinya disertai dengan tahap pengetahuan dan kefahaman yang setara. Lebih separuh responden (54.0%) mengetahui kewujudan Bandar Selamat di kawasan mereka, tetapi penilaian kefahaman menunjukkan 60.5% berada dalam kategori “Sangat Tidak Faham” atau “Tidak Faham”, manakala hanya 8.0% menyatakan “Faham Secara Umum”. Respons terbuka pula memperlihatkan bahawa kefahaman yang direkodkan lebih banyak berkaitan dengan aspek fizikal, pemantauan dan pencegahan jenayah. Oleh itu, penerangan program berpotensi menghubungkan perkara yang sudah dikenali secara fizikal dengan penerangan yang lebih jelas mengenai tujuan Bandar Selamat, bentuk pelaksanaan program serta peranan penduduk dalam menjaga, memantau dan melaporkan keadaan keselamatan di kawasan mereka.

Perbincangan

Kesedaran terhadap Kewujudan PBS Tidak Seiring dengan Kefahaman

Dapatan awal memperlihatkan perbezaan yang nyata antara mengetahui kewujudan Program Bandar Selamat dengan memahami kandungannya. Sebanyak 108 daripada 200 responden (54.0%) menyatakan bahawa PBS wujud di kawasan masing-masing, sedangkan 92 orang (46.0%) tidak mengetahuinya. Peratus tersebut menunjukkan bahawa nama atau kewujudan program telah sampai kepada sebahagian responden, tetapi penyebarannya belum menyeluruh.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Maklumat ini perlu dinilai secara berasingan daripada ukuran kefahaman kerana seseorang boleh mengenali nama program tanpa mengetahui perincian objektif, langkah pelaksanaan ataupun tanggungjawab yang boleh dilaksanakan.

Perbezaan itu semakin jelas apabila 46 responden (23.0%) memilih kategori sangat tidak faham dan 75 orang (37.5%) tidak faham. Gabungan kedua-duanya berjumlah 121 orang (60.5%), sementara 63 orang (31.5%) berada pada kategori kurang faham dan hanya 16 orang (8.0%) memahami PBS secara umum. Dapatan ini memberi isyarat bahawa pendedahan terhadap kewujudan program belum disertai kefahaman yang kukuh dalam sampel kajian. Walau bagaimanapun, perbandingan ini melibatkan taburan keseluruhan soalan yang berbeza; tanpa jadual silang, tidak boleh disimpulkan bahawa semua individu yang mengetahui kewujudan PBS turut tergolong dalam kategori kefahaman rendah.

Dalam kerangka JPBD (2010), unsur kesedaran awam wajar dilengkapkan dengan penjelasan yang membolehkan penduduk mengaitkan program dengan isu harian di kawasan kejiranan. Oleh itu, isu utama bukan sekadar memperbanyak hebahan nama PBS, tetapi menjelaskan apakah masalah yang cuba ditangani, siapa yang bertanggungjawab dan tindakan yang patut dilakukan apabila penduduk mengesan risiko keselamatan. Peralihan daripada maklumat umum kepada penerangan yang bersifat tindakan merupakan cadangan pelaksanaan berasaskan dapatan, bukannya hasil keberkesanan intervensi yang telah diuji.

Tumpuan kepada Aspek Fizikal dalam Tafsiran Bandar Selamat

Respons terbuka memperlihatkan kecenderungan responden menghubungkan konsep Bandar Selamat dengan perkara yang boleh dilihat secara langsung. Tema kemudahan dan persekitaran fizikal selamat disebut dalam 128 respons (64.0%), diikuti pemantauan dan rondaan dalam 81 respons (40.5%) serta pencegahan jenayah dan perlindungan nyawa serta harta dalam 78 respons (39.0%). Ketiga-tiganya mencerminkan unsur yang relevan kepada PBS, namun corak penyebutan tersebut menunjukkan bahawa gambaran responden lebih kerap berkisar pada persekitaran serta kawalan keselamatan berbanding proses kerjasama penduduk dengan institusi.

Sebaliknya, tema kerjasama dan tindakan bersama muncul dalam 53 respons (26.5%). Kekerapan yang lebih rendah ini tidak bermakna responden menolak penglibatan komuniti atau menilai kerjasama sebagai kurang penting; soalan terbuka merekodkan tema yang disebut, bukan pemeringkatan kepentingan. Selain itu, 46 respons (23.0%) turut dikodkan sebagai ketidakpastian atau pengetahuan terhad. Oleh sebab seorang responden boleh menyebut lebih daripada satu tema, peratusan tema tidak patut dijumlahkan kepada 100%. Secara analitis, dapatan menonjolkan ruang untuk memperkenalkan komponen sosial PBS melalui contoh konkrit yang berhubung dengan ciri fizikal yang telah dikenali.

Sejajar dengan UN-Habitat (t.t.), keselamatan bandar menuntut penyelarasan antara penyediaan persekitaran selamat dan tindakan pihak berkepentingan. Misalnya, maklumat tentang lampu jalan perlu diikuti penerangan mengenai tatacara melaporkan kerosakan, agensi yang menerima aduan dan bentuk maklum balas yang boleh dijangka. Pendekatan ini boleh menghubungkan pemahaman kemudahan fizikal dengan proses kerjasama, tanpa mengandaikan bahawa semua penduduk telah bersedia memainkan peranan dalam pengambilan keputusan.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Hubungan Konseptual antara Kefahaman dan Penglibatan

Literatur Arnstein (1969) dan Pretty (1995) membantu melihat kefahaman program sebagai sumber keupayaan untuk terlibat secara lebih bermakna. Penduduk yang mengetahui saluran komunikasi dan bentuk tanggungjawab boleh mempunyai asas yang lebih baik untuk menyampaikan pengalaman keselamatan kepada agensi. Namun, mengetahui saluran sahaja masih belum menjamin suara mereka dipertimbangkan dalam keputusan. Justeru, perlu dibezakan tiga proses: memperoleh maklumat, menyertai pelaksanaan aktiviti dan mempunyai ruang untuk mempengaruhi langkah keselamatan setempat.

Data yang dihuraikan dalam Bahagian 4.0 artikel ini terutama mengukur kesedaran, kefahaman serta gambaran konsep PBS; oleh itu, analisis ini tidak menentukan tangga penyertaan Arnstein atau jenis penglibatan menurut Pretty bagi mana-mana individu. Sebaliknya, dapatan menjustifikasikan keperluan penyelidikan lanjut tentang sama ada penerangan yang lebih jelas dapat membantu penduduk menggunakan saluran pelaporan, menghadiri dialog serta mengemukakan cadangan yang boleh ditindaklanjuti. Penelitian tersebut perlu menggunakan ukuran tingkah laku penglibatan dan respons agensi, bukan tahap kefahaman semata-mata.

Profil Kejiranan dan Had Pentafsiran Perbezaan Responden

Komposisi sampel merangkumi jenis kediaman yang pelbagai, iaitu taman perumahan (40.0%), kampung (29.5%), flat atau apartmen (27.0%) dan rumah kedai (3.5%). Seramai 140 responden (70.0%) telah menetap di kawasan masing-masing selama sekurang-kurangnya enam tahun. Maklumat ini penting kerana komuniti terdiri daripada penduduk yang mengalami susun atur fizikal dan pengurusan kejiranan yang mungkin berbeza. Namun, tempoh menetap lebih lama tidak membuktikan pengetahuan yang lebih baik, dan jenis kediaman tidak boleh dinyatakan sebagai faktor penentu kefahaman tanpa ujian hubungan atau perbandingan kumpulan.

Justeru, penyeragaman bahan hebahan bagi seluruh bandar perlu diseimbangkan dengan penggunaan contoh setempat. Penjelasan tentang risiko keselamatan di flat, perumahan terancang dan kampung boleh disesuaikan melalui ilustrasi aktiviti harian tanpa menganggap bahawa satu kelompok pasti lebih faham daripada kelompok lain. Perbandingan mengikut jenis kediaman, umur, pendidikan atau tempoh menetap boleh dipertimbangkan apabila data aras individu lengkap dan kesesuaian ujian statistik dipastikan.

Sumbangan Penemuan Awal dan Batasan Bukti

Seiring dengan perhatian Samuni et al. (2021) dan Mt Akhir et al. (2026) terhadap dimensi sosial keselamatan bandar, penemuan awal ini mengemukakan persoalan yang lebih khusus: sejauh manakah masyarakat memahami program yang dirancang untuk melindungi kejiranan mereka? Sumbangan artikel ialah menunjukkan bahawa kesedaran kewujudan, kefahaman kendiri dan cara ciri PBS dihuraikan memberikan maklumat yang berlainan. Walau bagaimanapun, penggunaan statistik deskriptif, respons kendiri dan pengkodan tema terbuka tidak membolehkan kesimpulan tentang punca kefahaman rendah, keberkesanan komunikasi tertentu atau perubahan kadar jenayah. Penyelidikan susulan perlu mengesahkan ketekalan pengkodan, memeriksa hubungan antara pemboleh ubah dan menilai perubahan kefahaman selepas penerangan yang dirancang.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Implikasi Dan Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Program Bandar Selamat

Kota Kinabalu memerlukan penekanan yang lebih menyeluruh terhadap peningkatan pengetahuan dan kefahaman komuniti kejiranan mengenai konsep, matlamat serta peranan mereka dalam menjayakan inisiatif keselamatan bandar. Keperluan ini dapat diperhatikan melalui dapatan yang menunjukkan bahawa meskipun 54.0% responden mengetahui kewujudan PBS di kawasan kejiranan masing-masing, hanya 8.0% menyatakan bahawa mereka memahami program tersebut secara umum. Perbezaan ini memberikan gambaran bahawa kesedaran terhadap kewujudan sesuatu program belum semestinya disertai dengan kefahaman yang mencukupi mengenai tujuan dan mekanisme pelaksanaannya. Sehubungan itu, pendekatan penyampaian maklumat yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pemimpin komuniti wajar diperkukuh melalui strategi penerangan yang lebih sistematik, berterusan dan berorientasikan keperluan penduduk. Penyampaian maklumat tidak seharusnya terbatas kepada hebahan mengenai kewujudan program, sebaliknya perlu merangkumi penerangan tentang objektif PBS, bentuk inisiatif keselamatan, tanggungjawab agensi pelaksana serta peranan yang boleh dimainkan oleh komuniti dalam menangani isu keselamatan setempat. Pendekatan sedemikian berpotensi membentuk kefahaman yang lebih menyeluruh, di samping mengurangkan jurang antara pengetahuan asas dengan pemahaman terhadap pelaksanaan program.

Pengukuhan kandungan pendidikan keselamatan juga wajar mengambil kira corak kefahaman yang dikenal pasti dalam kalangan responden. Penemuan kajian menunjukkan bahawa ciri Bandar Selamat paling kerap dikaitkan dengan kemudahan dan persekitaran fizikal yang selamat (64.0%), diikuti pemantauan dan rondaan (40.5%) serta pencegahan jenayah dan perlindungan nyawa serta harta benda (39.0%). Kecenderungan ini memberikan petunjuk bahawa pemahaman komuniti terhadap PBS banyak tertumpu kepada komponen keselamatan yang dapat diperhatikan secara langsung dalam persekitaran kejiranan. Justeru, aspek tersebut boleh dijadikan asas kepada pembangunan modul penerangan yang menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pemahaman yang lebih luas mengenai tanggungjawab bersama dalam pengurusan keselamatan bandar. Sebagai contoh, penerangan mengenai kemudahan keselamatan fizikal boleh disepadukan dengan tatacara melaporkan kerosakan lampu jalan atau mengenal pasti kawasan yang berpotensi menimbulkan risiko keselamatan. Begitu juga dengan aspek pemantauan dan rondaan yang boleh dikaitkan dengan kaedah pemerhatian, penyampaian maklumat serta pelaporan aktiviti mencurigakan melalui saluran yang sah dan selamat. Melalui pendekatan ini, pendidikan keselamatan bukan sahaja berfungsi untuk meningkatkan pengetahuan, malah berpotensi memperjelas hubungan antara keadaan fizikal persekitaran, tindakan pencegahan jenayah dan tanggungjawab komuniti dalam pelaksanaan PBS.

Dalam memperkukuh keberkesanan penyampaian maklumat, kepelbagaian latar belakang sosial dan persekitaran kediaman komuniti kejiranan turut perlu diberikan perhatian. Kota Kinabalu mempunyai bentuk petempatan yang berbeza, termasuk kawasan kampung, taman perumahan serta kediaman bertingkat yang masing-masing mempunyai ciri persekitaran dan keperluan komunikasi tersendiri. Sehubungan itu, pelaksanaan program penerangan perlu mengambil kira kesesuaian medium komunikasi, kebolehcapaian maklumat serta keupayaan penduduk memahami kandungan yang disampaikan. Penggunaan bahan visual yang mudah difahami, penerangan berasaskan situasi keselamatan setempat dan sesi interaksi secara langsung boleh dipertimbangkan sebagai pendekatan yang saling melengkapi. Dalam hal ini,

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

pemimpin komuniti berpotensi memainkan peranan sebagai penghubung antara agensi pelaksana dengan penduduk melalui penyampaian maklumat, penjelasan mengenai pelaksanaan program serta penyaluran persoalan berkaitan keselamatan kejiranan. Walau bagaimanapun, kesesuaian sesuatu pendekatan komunikasi tidak boleh ditentukan berdasarkan andaian terhadap profil demografi semata-mata, sebaliknya perlu dinilai melalui maklum balas dan pengalaman sebenar komuniti yang terlibat. Penilaian sedemikian penting bagi memastikan strategi komunikasi yang digunakan bukan sahaja meluaskan capaian maklumat, tetapi turut meningkatkan kejelasan dan kefahaman penduduk terhadap PBS.

Selain memperkukuh aspek penyampaian maklumat, pembangunan mekanisme komunikasi yang menghubungkan pengetahuan dengan tindakan praktikal merupakan elemen yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan PBS. Penerangan mengenai konsep Bandar Selamat akan menjadi lebih bermakna sekiranya komuniti turut didedahkan kepada prosedur yang membolehkan mereka menggunakan pengetahuan tersebut untuk menangani isu keselamatan di kawasan kediaman. Oleh itu, program penerangan wajar disepadukan dengan maklumat mengenai saluran pengaduan, tatacara penyampaian laporan, bidang tanggungjawab agensi serta mekanisme mendapatkan maklum balas terhadap isu yang dikemukakan. Penyediaan ruang interaksi dua hala antara penduduk dengan pihak berkuasa juga berpotensi meningkatkan kejelasan maklumat melalui proses soal jawab dan penjelasan terhadap perkara yang kurang difahami. Dalam konteks penilaian program, peningkatan kefahaman perlu diukur melalui indikator yang lebih khusus, termasuk keupayaan penduduk menjelaskan tujuan PBS, mengenal pasti langkah keselamatan yang bersesuaian dan memahami prosedur pelaporan masalah keselamatan. Pengukuran tersebut dapat memberikan gambaran yang lebih bermakna tentang keberkesanan aktiviti penerangan berbanding penilaian yang hanya berasaskan bilangan peserta atau jumlah bahan hebahan yang diedarkan.

Dari perspektif penyelidikan, penemuan kajian ini turut memperlihatkan keperluan untuk memperluas penelitian terhadap hubungan antara pengetahuan, kefahaman dan penglibatan komuniti dalam pelaksanaan PBS. Walaupun analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden secara keseluruhannya masih terhad, dapatan tersebut belum dapat menentukan sejauh mana pengetahuan atau kefahaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan individu untuk mengambil bahagian dalam aktiviti keselamatan kejiranan. Oleh itu, penyelidikan lanjutan disarankan untuk menggabungkan pengukuran pengetahuan dan kefahaman dengan indikator penglibatan yang lebih khusus, seperti kekerapan penyertaan, pengalaman menyampaikan aduan, kesediaan menyumbang idea serta penglibatan dalam aktiviti keselamatan setempat. Penggunaan analisis statistik yang bersesuaian boleh membantu mengenal pasti kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah tersebut, manakala pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam berpotensi menjelaskan pengalaman, halangan dan keperluan sebenar komuniti dalam memahami serta menyertai PBS. Penggabungan kedua-dua pendekatan ini dapat memperkukuh asas empirikal kajian, khususnya dalam memahami sama ada peningkatan pengetahuan dan kefahaman turut disertai dengan perubahan dalam corak penglibatan komuniti.

Penilaian keberkesanan PBS juga perlu dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan membezakan antara pencapaian dari segi pengetahuan komuniti, pengalaman penglibatan dan perubahan keadaan keselamatan bandar. Peningkatan kefahaman terhadap program merupakan suatu hasil yang penting dalam usaha pendidikan keselamatan, namun pencapaian tersebut tidak

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

dengan sendirinya membuktikan berlakunya pengurangan jenayah atau peningkatan tahap keselamatan di kawasan kejiranan. Justeru, penilaian susulan perlu mempertimbangkan penggunaan data yang lebih pelbagai, termasuk pengukuran kefahaman secara berkala, rekod penglibatan komuniti, maklum balas agensi pelaksana, persepsi keselamatan penduduk serta statistik jenayah yang relevan. Penelitian terhadap dimensi tersebut secara berasingan dapat membantu menghasilkan penilaian yang lebih tepat mengenai sumbangan setiap komponen pelaksanaan PBS, di samping mengelakkan kesimpulan yang melampaui skop dan batasan data yang diperoleh.

Secara keseluruhannya, cadangan penambahbaikan ini memperlihatkan bahawa pengukuhan PBS di Kota Kinabalu perlu bermula dengan usaha membina kefahaman komuniti yang lebih jelas mengenai matlamat program, tanggungjawab bersama dan mekanisme tindakan keselamatan di peringkat kejiranan. Penekanan terhadap pendidikan keselamatan yang kontekstual, komunikasi yang inklusif serta penyediaan saluran tindakan yang mudah diakses berpotensi memperkukuh kedudukan komuniti sebagai rakan pelaksana dalam inisiatif keselamatan bandar. Pada masa yang sama, penilaian empirikal yang berterusan diperlukan bagi menentukan sejauh mana usaha peningkatan kefahaman dapat diterjemahkan kepada penglibatan yang lebih bermakna. Dengan demikian, pelaksanaan PBS tidak hanya dinilai berdasarkan kewujudan program atau penyediaan kemudahan keselamatan, tetapi turut mengambil kira keupayaan komuniti memahami, menggunakan dan menyumbang kepada usaha mewujudkan persekitaran kejiranan yang lebih selamat.

Kesimpulan

Kajian awal yang melibatkan 200 responden di Kota Kinabalu memperlihatkan bahawa pengetahuan tentang kewujudan Program Bandar Selamat belum diterjemahkan secara menyeluruh kepada kefahaman terhadap pelaksanaannya. Sebanyak 54.0% responden mengetahui kewujudan program, tetapi 60.5% berada dalam kategori sangat tidak faham atau tidak faham, manakala hanya 8.0% menyatakan faham secara umum. Perbezaan ukuran ini menegaskan kepentingan menilai isi pengetahuan yang diterima oleh penduduk dan bukan sekadar pengenalan kepada nama program.

Dari sudut gambaran konsep, responden lebih kerap menyebut kemudahan dan persekitaran fizikal selamat (64.0%), pemantauan dan rondaan (40.5%) serta pencegahan jenayah dan perlindungan nyawa serta harta (39.0%) berbanding kerjasama dan tindakan bersama (26.5%). Corak tersebut tidak membuktikan bahawa aspek sosial tidak penting kepada komuniti, tetapi menyediakan asas praktikal untuk menghubungkan perkara yang mudah dikenal pasti dalam persekitaran dengan peranan penduduk, proses pelaporan dan kerjasama institusi.

Sehubungan itu, implikasi teras artikel ialah keperluan memperkukuh literasi PBS melalui penerangan kontekstual, pembelajaran berasaskan contoh kejiranan dan saluran tindakan susulan yang jelas. Dapatan deskriptif ini tidak menetapkan hubungan sebab-akibat antara kefahaman, penyertaan dan tahap keselamatan. Kajian berikutnya wajar menguji perubahan pengetahuan, penggunaan saluran komuniti serta respons institusi sebelum sebarang kesimpulan dibuat tentang keberkesanan PBS secara keseluruhan.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 121-136
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118809

Penghargaan

Penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Kod Geran FRG0645-1/2024, Universiti Malaysia Sabah, serta komuniti dan pihak yang membantu penyelidikan ini. Penghargaan turut diberikan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Polis Diraja Malaysia atas kerjasama dalam pelaksanaan kajian.

Rujukan

Ahmad Arnstein, S. R. (1969). A ladder of citizen participation. *Journal of the American Institute of Planners, 35*(4), 216–224. https://doi.org/10.1080/01944366908977225

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2010). *Bandar selamat*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. https://www.planmalaysia.gov.my/uploads/content-downloads/file_20250413130743.pdf

Kanyo, N., Abdul Rahman, A. T., Rainis, R., Jubit, N., Arsyi Lajimin, S. A., & Samuni, N. (2023). Konsep bandar selamat: Kronologi dan pelaksanaan di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development, 8*(56), 368–386. https://doi.org/10.55573/JISED.085633

Mansuri, G., & Rao, V. (2013). *Localizing development: Does participation work?* World Bank. https://doi.org/10.1596/978-0-8213-8256-1

Mt Akhir, N., Md Sakip, S. R., Mat Nayan, N., Ali, N. E., & Che Ahmad, A. (2026). Rethinking urban safety through perceived safety and community engagement in Malaysia's Safe City Programme. *Planning Malaysia, 24*(3), 194–210. https://doi.org/10.21837/pm.v24i42.2039

Pretty, J. N. (1995). Participatory learning for sustainable agriculture. *World Development, 23*(8), 1247–1263. https://doi.org/10.1016/0305-750X(95)00046-F

Samuni, N., Kanyo, N., & Mapjabil, J. (2021). Keterlibatan komuniti dalam memperkasakan bandar berdaya huni di zon black spot jenayah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu, 27*, 97–118. https://doi.org/10.51200/ejk.v27i.3650

UN-Habitat. (t.t.). *Safer cities*. https://unhabitat.org/programme/safer-cities

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0